

11/10/2002

Polis perlu adil kepada semua pihak: Salleh

KOTA KINABALU, Khamis - Siasatan kes gadis remaja berusia 13 tahun yang didakwa dirogol di pusat tahanan sementara di sini, baru-baru ini hanya dapat disiapkan selepas mangsa kembali semula ke Malaysia.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Salleh Mat Som, berkata polis perlu bersikap adil kepada semua pihak kerana tuduhan yang dibuat remaja terbabit yang dipercayai penduduk negara ini adalah serius.

Beliau berkata, gadis itu perlu membantu polis dengan memberikan maklumat lengkap, termasuk mengenai kedudukan kejadian sehingga kes itu ditimbulkan.

"Gadis remaja ini perlu memaklumkan kepada polis apa yang berlaku. Dia perlu secara positif mengenalpasti pihak yang didakwa merogolnya kerana bagi mendakwa seseorang di mahkamah, ia perlu membabitkan beberapa perkara.

"Kalau dia mangsa, dia perlu beritahu apa yang berlaku, selain mesti ada pengesahan doktor. Malah dia juga perlu ada saksi yang melihat kejadian dan mengenal pasti pihak yang didakwanya itu.

"Pada masa ini, dia masih berada di Filipina dan kita tidak boleh mendakwa sesiapa tanpa siasatan terperinci," katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri, di Kepyayan hari ini.

Terdahulu, beliau mengadakan perbincangan dengan Pesuruhjaya Polis negeri, Datuk Ramli Yusuf dan Ketua Siasatan Jenayah negeri, Senior Asisten Komisioner II Abdul Razak Bokhari berhubung pilihan raya kecil Parlimen Gaya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai baru-baru ini bahawa kes gadis remaja terbabit akan tetap diteruskan meskipun dia disahkan rakyat negara ini.

Gadis remaja itu sebelum ini mendakwa dirogol ketika ditempatkan di pusat tahanan sementara di Menggatal, dekat sini, sejurus tiba di Zamboanga, Filipina.

Susulan daripada itu, kerajaan Filipina melalui Presidennya, Gloria Macapagal Arroyo meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjalankan siasatan berhubung dakwaan itu.

Kelmarin, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata gadis remaja berkenaan perlu dibawa balik jika disahkan rakyat negara ini, manakala kes yang membabitkannya itu akan tetap diteruskan.